

AMTUSS TABLET

Ambroxol hydrochloride (30mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Amtuss Tablet
2. Bagaimana Amtuss Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Amtuss Tablet
4. Cara menggunakan Amtuss Tablet
5. Semasa menggunakan Amtuss Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Amtuss Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Amtuss Tablet

Amtuss Tablet digunakan untuk keadaan di mana terlalu banyak mukus yang likat di dalam saluran pernafasan.

Bagaimana Amtuss Tablet berfungsi

Amtuss mengandungi ambroxol yang membantu mencairkan kahak dan menyingkirkan kahak dengan lebih mudah.

Sebelum menggunakan Amtuss Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Amtuss Tablet jika anda atau anak anda mempunyai alahan kepada ambroxol hydrochloride atau sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut).

- Sebelum menggunakan Amtuss Tablet

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat. Penggunaan Amtuss Tablet pada tiga bulan pertama kehamilan perlu diperhatikan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Ubat-ubatan yang boleh mengganggu Amtuss Tablet adalah seperti antibiotik (Amoxycillin, Cefuroxime, Erythromycin, Doxycycline).

Cara menggunakan Amtuss Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disarankan untuk orang dewasa adalah 1 tablet 3 kali sehari. Untuk kesan yang lebih baik, anda boleh mengambil 2 tablet 2 kali sehari. Tablet ini harus diambil bersama cecair.

Amtuss boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Bila perlu digunakan

Ambil 2 hingga 3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Amtuss Tablet mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Jika sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Amtuss Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Amtuss Tablet.

Dapatkan nasihat perubatan jika gejala tidak bertambah baik atau bertambah teruk sepanjang rawatan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Amtuss Tablet kepada sesiapa walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Amtuss Tablet boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti mengambil Amtuss Tablet dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang simptom berikut:

1. Alahan teruk: kesukaran bernafas, pening, pembengkakan kulit atau ruam
2. Reaksi kulit yang teruk: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

Kesan sampingan lain termasuk:

- Pedih ulu hati, ketidakhadaman, loya, muntah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Amtuss Tablet

- Penyimpanan

Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C.

Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet putih, bulat, rata, bersisi serong pada kedua-dua belah dengan logo pengilang terukir pada satu sisi dan 30 pada sisi yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Ambroxol hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Lactose monohydrate, sodium starch glycolate, magnesium stearate, corn starch, PVP K30 dan purified water

- Nombor MAL

MAL06111323X

Pengilang

Unison Laboratories Co. Ltd.
39 Moo 4, Klong Udomcholjorn, Muang
Chachoengsao, Chachoengsao 24000
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/08/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)020824/00100